

Soalan-soalan Lazim

Peneraju Tunas Geliga

A. MENGENAI PROGRAM

1. Apakah program biasiswa Peneraju Tunas Geliga?

Program biasiswa Peneraju Tunas Geliga adalah salah satu program Yayasan Peneraju untuk memberi peluang kepada murid Bumiputera lepasan UPSR yang berpotensi dari latarbelakang yang mencabar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah di Maktab Rendah Sains MARA, Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang terpilih.

2. Apakah statistik terkini penerima biasiswa Peneraju Tunas Geliga?

Terdapat seramai 996 orang murid yang sedang mengikuti program ini di bawah Tunas Geliga 1 (2012), Tunas Geliga 2 (2013), Tunas Geliga 3 (2014), Tunas Geliga 4 (2015) dan tahun ini merupakan pengambilan bagi kohort Tunas Geliga 5 (2016).

3. Apakah bentuk tajaan yang diterima oleh murid Peneraju Tunas Geliga?

Program Peneraju Tunas Geliga adalah program biasiswa di mana tajaan meliputi yuran pendaftaran, penginapan, pakaian, makan minum, aktiviti sekolah yang berkaitan dan elaun bulanan.

4. Apakah itu Program Pemupukan dan Pembangunan Murid?

Biasiswa Tunas Geliga juga menyediakan program pembangunan dan pemupukan untuk membantu murid mencapai tahap akademik yang baik serta mempunyai nilai-nilai murni seorang murid yang berwibawa. Sokongan dari segi motivasi, nasihat akademik dan peribadi kepada murid juga disediakan untuk membantu mereka melalui zaman remaja dan persekolahan mereka.

B. KRITERIA PERMOHONAN

1. Apakah syarat-syarat untuk memohon program biasiswa Peneraju Tunas Geliga?

- Bumiputera Warganegara Malaysia (Lepasan UPSR 2016)
- Pendapatan kasar isi rumah (sebelum sebarang pemotongan dibuat) tidak melebihi RM 4,000 sebulan
- Aktif dalam ko-kurikulum dan menunjukkan sifat kepimpinan yang tinggi.
- Keputusan Percubaan Peperiksaan UPSR 2016 mestilah sekurang-kurangnya:
 - 4A* (Murid dari Semenanjung Malaysia)
 - 3A*(Murid dari Sabah dan Sarawak)

*Gred A dalam subjek Matematik dan Sains

- Murid mestilah bersetuju mengikuti Program Pembangunan dan Pemupukan semasa cuti sekolah

2. Bilakah permohonan akan dibuka?

Permohonan bagi program Peneraju Tunas Geliga dibuka pada bulan September hingga Oktober setiap tahun. Permohonan perlu dibuat secara atas talian dan semua permohonan perlu diterima sebelum tarikh tutup permohonan. Sebarang permohonan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

3. Bolehkah saya menghantar permohonan secara pos?

Permohonan secara pos hanya untuk pemohon yang tinggal di kawasan pedalaman negeri yang tidak mempunyai akses kepada internet. Pemohon yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar yang mempunyai akses kepada internet perlu memohon melalui permohonan atas talian.

4. Apakah yang perlu saya sertakan bersama borang permohonan?

Bagi permohonan atas talian, pemohon dikehendaki mengisi permohonan dengan lengkap dan memastikan bahawa permohonan telah berjaya dihantar. Manakala bagi permohonan melalui pos, sila sertakan borang permohonan yang lengkap menyediakan keseluruhan salinan yang disenaraikan dalam Lampiran 1 dan Borang Pengesahan Maklumat Murid (Lampiran 2) kemudian poskan di alamat lengkap Yayasan Peneraju seperti yang tertera di laman sesawang.

5. Adakah saya perlu memohon untuk kemasukan ke SBP/MRSM/SABK sendiri?

Ya. Calon perlu memohon sendiri di laman sesawang KPM atau MARA untuk mendapatkan tempat di SBP/SABK/MRSM. Pihak Yayasan Peneraju tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan penempatan murid di sekolah.

6. Apakah syarat-syarat calon yang layak ditawarkan biasiswa Peneraju Tunas Geliga?

Calon yang layak menjadi penerima biasiswa Peneraju Tunas Geliga mestilah berjaya dalam sesi temuduga dan berjaya mendapat penempatan di SBP/MRSM/SABK yang terpilih sahaja.

C. KEPUTUSAN PERMOHONAN

1. Bilakah keputusan permohonan akan dikeluarkan?

Hanya calon yang berjaya DISENARAI PENDEK sahaja akan dihubungi untuk menghadiri sesi temuduga. Keputusan calon yang layak ditemuduga akan dimaklumkan selewat-lewatnya 2 minggu selepas tarikh tutup permohonan.

2. Bagaimanakah cara makluman calon senaraipendek dilakukan?

Calon yang berjaya disenaraikan untuk sesi temuduga akan dimaklumkan secara berperingkat mengikut tempat pilihan temuduga. Calon akan dimaklumkan melalui SMS, emel dan juga panggilan telefon.

3. Sekiranya saya tidak berjaya disenaraipendek untuk temuduga, adakah saya boleh membuat rayuan?

Tidak. Keputusan adalah muktamad dan sebarang bentuk rayuan tidak akan diterima.

D. SESI TEMUDUGA

1. Apakah yang perlu dibawa semasa sesi temuduga?

Calon dikehendaki memuat turun Lampiran 1 dan Lampiran 2 yang dilampirkan di laman sesawang Yayasan Peneraju. Setiap calon perlu membawa semua salinan dan dokumen yang tersenarai di dalam Senarai Semak Dokumen yang telah disahkan. Borang Pengesahan Maklumat Murid perlu diisi dan mendapat pengesahan daripada guru yang ditetapkan.

2. Siapakah yang boleh mengesahkan salinan dokumen calon?

Salinan dokumen wajib disahkan dan perlu disahkan oleh Penghulu/Ketua Kampung/Pegawai kerajaan Gred 41 dan ke atas sahaja yang boleh mengesahkan salinan.

3. Bagaimanakah sesi temuduga dijalankan?

Sesi temuduga akan dijalankan melalui dua sesi di mana calon (murid) dan salah seorang ibu/bapa/penjaga akan ditemuduga oleh pihak Yayasan Peneraju. Calon dan ibu/bapa/penjaga akan ditemuduga secara berasingan di mana mereka akan menjalani dua set temuduga yang berbeza. Salah seorang daripada ibu/bapa/penjaga wajib hadir bersama calon pada sesi temuduga.

4. Bilakah keputusan temuduga akan diumumkan?

Keputusan temuduga akan dimaklumkan kepada calon yang BERJAYA sahaja. Keputusan akan diumumkan di laman sesawang Yayasan Peneraju pada pertengahan Disember.

E. TAWARAN UNTUK PENERIMA BIASISWA PENERAJU TUNAS GELIGA

1. Bilakah calon yang berjaya akan menerima surat tawaran?

Calon yang berjaya dalam temuduga akan menerima surat tawaran melalui dua peringkat.

(a) Surat Tawaran Bersyarat

Semua calon yang berjaya akan menerima surat tawaran bersyarat pada pertengahan Disember. Surat tawaran bersyarat bermaksud calon akan ditawarkan biasiswa Peneraju Tunas Geliga sekiranya berjaya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Yayasan Peneraju. Syarat-syarat adalah berkaitan dengan penempatan calon di SBP/MRSM/SABK terpilih.

(b) Surat Tawaran Penuh dan Dokumen Perjanjian

Selepas memenuhi syarat yang telah ditetapkan di dalam surat tawaran bersyarat, calon akan menerima Surat Tawaran Penuh dan Dokumen Perjanjian daripada pihak Yayasan Peneraju. Penerima biasiswa wajib melengkapkan dokumen yang diminta dan menghantar semula kepada

pihak Yayasan Peneraju. Pemulangan dokumen yang lengkap kepada Yayasan Peneraju amat penting bagi memastikan pergerakan elaun penerima biasiswa berjalan dengan lancar.

2. Bagaimana surat tawaran dihantar?

Surat tawaran akan dihantar melalui pos ke alamat rumah penerima biasiswa.

3. Berapa lama surat tawaran bersyarat boleh bertukar kepada surat tawaran penuh?

Sebaik sahaja syarat-syarat yang ditetapkan berjaya dipenuhi, surat tawaran penuh akan dikeluarkan. Tempoh sah surat tawaran bersyarat telah dinyatakan di dalam surat. Sekiranya calon gagal memenuhi syarat dalam waktu yang ditetapkan, tawaran dianggap BATAL.

F. PENERIMAAN ELAUN

1. Bagaimanakah duit biasiswa disalurkan?

Segala perbelanjaan berkaitan sekolah, asrama, keperluan murid, dan lain-lain akan disalurkan ke dalam akaun sekolah. Elaun bulanan murid akan disalurkan ke dalam akaun peribadi murid.

2. Berapakah jumlah tajaan bagi penerima biasiswa?

Wang tajaan biasiswa bagi setiap tahun adalah berbeza mengikut ketetapan sekolah dan perbezaan tingkatan. Jumlah tajaan adalah lebih daripada mencukupi untuk menampung kehidupan murid sepanjang sesi persekolahan.